

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
[LANANG]**

TARIKH : 08 MAC 2018

RUJUKAN : 10551

SOALAN :

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

- (a) bilangan pemohon kewarganegaraan Sarawak yang tidak diluluskan dan bilangan pemohon yang telah diluluskan dari tahun 2013-2018; dan
- (b) apakah sebab permohonan kewarganegaraan Puan Sri Ragad Waleed Alkurdi dapat diluluskan dalam masa yang begitu singkat tetapi ia tidak berlaku kepada pemohon-pemohon yang lain.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dari tahun 2013 hingga 2017, sebanyak 357 permohonan kewarganegaraan Malaysia telah diluluskan dan dikeluarkan dengan Sijil Kewarganegaraan manakala 19 permohonan kewarganegaraan tidak diluluskan.**

- b) Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukan beberapa kategori permohonan kewarganegaraan Malaysia yang antaranya adalah khusus bagi isteri atau anak kepada warganegara. Setiap kategori tersebut mempunyai syarat permohonan seperti keperluan untuk memenuhi tempoh kemastautinan yang berbeza.**